



## Tahukah Anda?

### Fakta Mengenai Malaysia di Portal MyGovernment

Pernahkan anda terfikir apakah perkara yang perlu kita tahu di Malaysia? Sebagai seorang rakyat Malaysia bagaimana kita ingin mendapatkan maklumat mengenai Malaysia iaitu negara kita sendiri.

MyInfo merupakan satu ruangan di Portal MyGovernment yang memaparkan pelbagai maklumat dan fakta mengenai Malaysia. Maklumat seperti Ringkasan Sejarah Malaysia, Perlembagaan dan Lagu Kebangsaan adalah antara maklumat dan informasi yang boleh didapati di Portal MyGovernment. Ruangan MyInfo menyediakan maklumat dan fakta terkini dan sahih mengenai Malaysia.

Demi rasa kecintaan pada negara, kami ingin kongsikan dengan anda tentang fakta yang jarang diketahui oleh rakyat Malaysia. Mungkin ada segelintir yang tahu tetapi kebanyakan rakyat Malaysia cuma tahu 31 Ogos 1957 sebagai Hari Kemerdekaan Malaysia dan juga hari-hari lain seperti Hari Penubuhan Malaysia, 16 September 1963.

Berikut adalah 16 fakta menarik tentang Malaysia yang mungkin anda juga sudah tahu tetapi apa salahnya kita sama-sama mengimbau kembali sejarah negara kita sendiri dan secara tidak langsung dapat mengetahui fakta menarik tentang negara kita yang tercinta.

The screenshot shows the MyGovernment homepage with the 'MyInfo' section highlighted. The section title is '16 Topik Menarik Tentang Malaysia'. Below it is a grid of 16 topics, each with a small icon and text:

- Ringkasan Sejarah Malaysia
- Bendera Malaysia
- Bahasa Rasmi
- Perlembagaan
- Lokasi
- Mata Wang
- Lagu Kebangsaan
- Budaya
- Perayaan dan Festival
- Rukun Negara
- Demografi Penduduk
- Flora dan Fauna
- Agama
- Bunga Kebangsaan
- Iklim
- Jata Negara

### Aktiviti Yang Telah Diadakan Pada Ogos 2020

#### Bengkel Hands-On Pemantapan Kandungan Life Events (LE) Portal MyGovernment Sesi 1/2020

1

**5–6 Ogos 2020**

Sesi latihan hands-on pengemasian dan penyenggaran kandungan kepada pentadbir/administrator agensi yang dilantik/dikenalpasti.

Agensi terlibat:

- Kementerian & Agensi Di Bawah Kumpulan Life Events  
Mengurus Institusi Keluarga, Mengurus Kewangan dan Percukaian, Mendapat Kemudahan, Kebajikan dan Kesihatan dan Mendapat Pendidikan Formal
  - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM)
  - Ministry of Finance (MOF)
  - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)
  - Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)



#### Mesyuarat Lanjutan Mengenai Penyertaan Dan Kerjasama Strategik Kementerian Dan Agensi Dalam Pelaksanaan Projek Government Online Services Gateway Bagi Pembangunan MyDashboard

2

**7 Ogos 2020**

Membincangkan keperluan pengguna, arkitektur dan reka bentuk integrasi pembangunan perkhidmatan MyDashboard bersama Lembaga Peperiksaan, Jabatan Imigresen Malaysia dan Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Agensi terlibat:

- Lembaga Peperiksaan (LP)
- Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)
- Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)

#### Sesi Pelaksanaan User Acceptance Test (UAT) Untuk Perkhidmatan MyDestinasi Di Portal MyGovernment Bersama JAKIM Dan BOMBA

3

**10 Ogos 2020**

Sesi ini diadakan bertujuan menguji fungsi dan integrasi yang telah dibangunkan bersama JAKIM dan BOMBA untuk perkhidmatan MyDestinasi.

Agensi terlibat:

- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
- BOMBA